

Headline	Rabies: MPT bantu lupus anjing liar di Matang		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	20 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	17	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	306 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,984
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,953



## Rabies: MPT bantu lupus anjing liar di Matang

**TAIPING:** Majlis Perbandaran Taiping (MPT) akan membantu melupuskan anjing liar yang ditembak di Kuala Sepetang di tapak pelupusan di Matang sebagai usaha untuk mengekang penularan wabak penyakit anjing gila atau rabies.

Yang Dipertua MPT Datuk Abd Rahim Md Ariff berkata, pihaknya akan membantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Perak untuk melupuskan semua anjing liar berkenaan.

“Anjing yang berlesen pula akan divaksin untuk mencegah wabak penyakit itu,” katanya kepada pemberita selepas majlis demonstrasi peralatan mengesan pokok di Taman Tasik di sini semalam.

Selain itu, Abd Rahim berkata sebanyak 24 lesen anjing dikeluarkan di Kuala Sepetang bagi tempoh Januari hingga bulan ini.

“Lesen anjing ialah RM18 seekor dan tidak akan dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), maka kita meminta pemilik anjing supaya mendaftar untuk mendapatkan lesen yang sah,” katanya.

Isnin lepas, kerajaan negeri Perakewartakan ka-



**DEMONSTRASI:** Abd Rahim (dua kiri) diberi penerangan oleh kakitangan FRIM mengenai alat gelombang bunyi yang digunakan bagi mengesan pokok hujan yang bermasalah pada demonstrasi penggunaan alat itu di sebatang pokok hujan di Taman Tasik Taiping semalam. — Gambar Bernama

wasan mukim Matang dalam daerah Larut, Matang dan Selama sebagai kawasan penyakit anjing gila selepas seekor anjing mati pada 13 Julai akibat positif rabies.

Dalam perkembangan lain, Abd Rahim berkata sebanyak 40 pokok Hujan-Hujan (Samanea saman) yang menjadi ikon kepada bandar itu sedang menjalani proses pemeliharaan dan konservasi untuk memanjangkan jangka hayat tumbuhan tersebut.

Katanya usaha itu dibuat dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan sebuah syarikat swasta bagi memastikan pokok berkenaan tidak pupus.

“Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM50,000 tahun ini untuk pemeliharaan pokok itu terutama membuang parasit yang boleh mengakibatkan pokok mati.

“Pokok hujan-hujan itu berusia lebih 140 tahun dan

kerajaan negeri mahu ia dipelihara kerana merupakan salah satu tarikan pelancong,” katanya sambil menambah terdapat sebanyak 250 pokok hujan-hujan di bandar Taiping.

Katanya selain pokok hujan-hujan, pokok besar seperti Angsana dan Braziian juga sedang diselenggara secara berjadual oleh MPT serta diberi perhatian rapi memandangkan nilainya sebagai khazanah warisan yang tiada ternilai. — Bernama